

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : KHAMIS, 11 JUN 2015

SOALAN :

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan untuk membaik pulih dan menaik taraf sistem pengairan dan saliran di Kuala Nerus bagi mengelakkan banjir berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah merancang untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kuala Nerus dan peruntukan tersebut telah dipohon dalam Rancangan Malaysia ke-11. Antara komponen yang terkandung dalam RTB Kuala Nerus adalah seperti berikut:-

- 1) Kerja-kkerja ukur dan reka bentuk
- 2) Kerja-kkerja menaik taraf sungai
- 3) Kerja-kkerja membenteng sungai
- 4) Membina Sistem saliran utama
- 5) Menaik taraf parit sedia ada
- 6) Lain-lain struktur seperti pemetung jalan dan jambatan.
- 7) *Tidal Gate* & Rumah Pam
- 8) Kolam takungan

Sekian, terima kasih.